

**SINTAR MERAH**  
Slaty-legged Crane

FAMILI: Rallidae  
NAMA SAINTIFIK: *Rallina eurizonoides*

**CIRI-CIRI**

Individu dewasa bagi spesies ini menyerupai *Rallina fasciata* (Sintar Api) tetapi ianya mempunyai saiz dan paruh yang lebih besar. Bahagian atas badan (dari bahagian kepala ke bahagian tengkok) berwarna pudar dan coklat. Warna kuning langsung kemerahan pada spesies ini adalah lebih pudar. Individu ini mempunyai bahagian rengkong yang berwarna putih hingga ke bahagian sisi kepala. Manakala pada bahagian sayap pula kurang terdapat jalur atau bintik. Bahagian kaki bagi spesies ini pula berwarna kelabu kehijauan atau kelabu gelap ke warna hitam. Bahagian mata selalunya berwarna kemerahan, manakala jalur di sekeliling bahagian mata berwarna merah jambu kekelembuan ke warna kemerahan. Bagi individu juvenil pula, ianya menyerupai individu juvenil bagi spesies *Rallina fasciata* (Sintar Api), tetapi ianya dibezakan melalui bahagian sayap yang tidak mempunyai sebarang jalur atau bintik. Individu ini mempunyai bahagian mata yang berwarna coklat. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz diantara 26-28 sm.

**MAKANAN**

Makanan utama terdiri daripada serangga, ketam, amfibia, ikan dan tumbuhan.

**HABITAT**

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan serta pinggir hutan dipterokap dan hutan sekunder, kawasan berair serta kawasan yang berlalang panjang dan semak di kawasan pertanian. Ia juga pernah direkodkan di kawasan sawah padi dan hutan bakau sehingga ke ketinggian 1830 m.

**BUNYI**

Spesies ini mengeluarkan bunyi seakan-akan *kek-kek kek-kek kek-kek kek-kek* serta bunyi *krrrr* ketika didalam keadaan terancam. Ia juga mengeluarkan bunyi panjang yang bergetar *krrrrrr-ar-kraa-kraa-kraa*. Selalunya ia mengeluarkan bunyi pada waktu malam.

**PEMBIAKAN**

Musim pembiakan bagi spesies ini di India ialah pada Jun hingga September (semasa musim monsun barat daya). Di Pulau Ryukyu pula, musim pembiakan bermula dari April hingga Julai. Di Sulawesi pembiakan berlaku pada bulan April. Sarang dibina menggunakan daun mati, rumput dan ranting. Selalunya sarang dibina di atas tanah, rumpun buluh atau di atas tunggul kayu yang kurang dari 1 meter dari tanah.

**STATUS**

Akta 76/72, dilindungi.